



**ANWAR Ibrahim (tengah) melihat proses melapah daging korban ketika menghadiri Program Korban Perdana di Masjid Jamek Cherok Tok Run Bawah, Bukit Mertajam. Pulau Pinang. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN**

# Bukti diesel subsidi bocor ke negara jiran - PM

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA  
utusannews@mediamulia.com.my

**BUKIT MERTAJAM:** Datuk Seri Anwar Ibrahim percaya langkah yang diambil oleh kerajaan untuk melaksanakan penyasaran subsidi diesel ketika ini adalah tepat.

Menurut Perdana Menteri, langkah tersebut penting dalam usaha Malaysia untuk menyelamatkan dana negara daripada bocor dan disalah guna oleh pihak tertentu sehingga keuntungan itu diperoleh oleh syarikat-syarikat besar dari negara jiran.

Jelas beliau, langkah yang sama juga penting bagi mengengkang kecurian diesel terutamanya melibatkan nelayan asing serta syarikat-syarikat minyak yang beroperasi di sempadan negara.

"Dua hari sudah, semua bas pelancongan dan syarikat-syarikat pelancongan dari Singapura nak naik harga sebab mereka tak dapat subsidi (diesel).

"Maknanya apa? Selama berpuluh tahun (sebelum ini)

**"Maknanya apa? Selama berpuluh tahun (sebelum ini) subsidi kita pergi ke syarikat-syarikat di Singapura dan pergi ke kapal-kapal Siam (Thailand), dicuri di sana-sini, bocor pun banyak."**

**ANWAR IBRAHIM**

subsidi kita pergi ke syarikat-syarikat di Singapura dan pergi ke kapal-kapal Siam (Thailand), dicuri di sana-sini, bocor pun banyak," kata beliau.

Anwar berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kewajaran penyasaran sub-

sidi diesel di negara ini semasa menghadiri Program Korban Perdana di Masjid Jamek Cherok Tok Kun Bawah, di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, memandangkan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel masih di peringkat, maka, sudah pasti terdapat beberapa kelemahan yang perlu diatasi.

"Ya, kalau ada kelemahan, maklumkan dan kita akan betulkan. Saya masih ambil sikap kalau ada masalah, bagi tahu. Soalnya sekarang, adalah wajar (untuk) kita teruskan penyasaran subsidi diesel ini," ujarnya.

Media sebelum ini melaporkan, kerajaan terpaksa menetapkan harga diesel di Semenanjung pada kadar RM3.35 seliter selaras dengan pelaksanaan penyelarasan semula subsidi bahan api tersebut pada 10 Jun lalu.

Sementara itu, bercakap mengenai BRICS, Perdana Menteri memberitahu, Malaysia sedang memulakan prosedur rasmi untuk menyertai organisasi antara kerajaan iaitu BRICS (Brazil, Russia, India, China dan Afrika

Selatan) tidak lama lagi.

Menurut beliau, pihaknya telah mengambil langkah ke arah dan kini menunggu maklum balas seterusnya.

"Kami telah mengambil keputusan yang sewajarnya. Kami akan melancarkan proses rasmi tidak lama lagi.

"Sekarang kami menunggu keputusan akhir, maklum balas daripada kerajaan Afrika Selatan," katanya.

Perdana Menteri sebelum ini bercakap mengenai BRICS dalam temu bual bersama Guancha, syarikat penerbitan berpangkalan di Shanghai, China selepas ditanya mengenai perkara itu oleh pengasas media itu, Eric Xun Li baru-baru ini

BRICS ialah kumpulan ekonomi sedang pesat membangun membabitkan Brazil, Rusia, India, China, dan Afrika Selatan.

Anwar berkata, sebelum ini beliau telah mengadakan perbincangan mengenai pengembangan BRICS dengan Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva.